



مجلس ائمة اسلام وادب
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG



KARNIVAL MAHABBAH 8.0 BENGKEL RAWATAN SAKIT MENTAL

Anjuran bersama : PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN), MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG, UMP HOLDINGS, JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG (MUIP) & PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH PEKAN
Tarikh/Hari : 28 SEPTEMBER 2018 - 18 MUHARRAM 1440H (JUMAAT)
Masa : 8.30 PAGI - 12.30 TENGAHARI
Tempat : DEWAN TUN FATIMAH, UMP KAMPUS GAMBANG

Tajuk Slot 3

HUBUNG KAIT GILA ISIM DENGAN GANGGUAN JIN: APAKAH TANDA- TANDA DAN CARA MERAWAT MELALUI PERUBATAN ISLAM

Disediakan oleh:

TUAN GURU DR HJ JAHID BIN HJ SIDEK



- PENGASAS PUSAT RAWATAN ISLAM MANARAH
- PENGASAS PUSAT PERLINDUNGAN HIV ASTANA BUDI
- YANG DIPERTUA PERSATUAN KEBAJIKAN BINA BUDI MALAYSIA (BUDI)
- AHLI JILSAH TURUQ SUFIYAH, JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
- AHLI MAJLIS PERUNDING ISLAM (MPI) MALAYSIA
- MANTAN PROFESOR MADYA, JABATAN DAKWAH & PEMBANGUNAN INSAN, AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA (APIUM)

ASTANA BUDI@MANARAH,
Lorong Beringin, Batu 17 Kuang,
48050 Rawang, Selangor Darul Ehsan
No. Tel: 019-384 5666
e-mail : abadisalam@gmail.com
FB: www.facebook.com/drjahidsidek

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini akan dimulakan dengan senario ringkas pelbagai pemikiran, pandangan dan anggapan masyarakat terhadap gila isim, isu dan masalahnya; selepas itu, kita paparkan beberapa kes *gila isim* yang terdapat dalam fail Pusat Rawatan Islam Manarah; hubungan antara syaitan dengan jin; beberapa aspek persamaan manusia dengan syaitan dan jin; faktor yang menyebabkan syaitan atau jin masuk ke tubuh badan manusia; *gila isim* penyakit berjangkit dari syaitan atau jin yang gila; bagaimana syaitan atau jin yang berada dalam tubuh badan manusia jadi gila; pelbagai faktor penyebab terjadinya *gila isim*; tanda-tanda awal *gila isim*; tanda-tanda biasa *gila isim*; salah faham sesetengah syeikh tarekat terhadap *gila isim*; kaedah rawatan *gila isim*; langkah pencegahan *gila isim*; dan lain-lain isu dan masalah.

DEFINISI GILA ISIM

Gila adalah gejala penyakit perosak akal, hingga pemikiran jadi tidak waras, emosi, tingkah laku dan pertuturan tidak stabil, sentiasa bermasalah yang sukar dirawat dan sembuh berbanding pelbagai penyakit lainnya. Percakapan dan tingkah lakunya tidak boleh dijangka, mudah bertukar dari positif kepada negatif. Keadaan air muka dan mata serta pandangan orang yang gila kelihatan berbeza dengan individu yang waras.

Boleh juga kita katakan secara ringkas, gila adalah penyakit akal atau otak menjadikan fikiran tidak waras.

Dalam bahasa Arab, gila disebut sebagai *al-junun* (الجنون هو نقصان العقل) – *al-junun* ialah kemerosotan daya akal. Orang yang gila disebut sebagai *al-majnun* (المجنون).

Biasanya, bila seseorang yang gila berada dalam sekumpulan manusia, kita akan nampak dan boleh membezakan orang gila tersebut dengan individu lainnya yang tidak gila.

Oleh yang demikian, maka penyakit gila, apatah lagi orang gila ditakuti oleh semua orang yang berada di sekitarnya. Malahan kalimah “*gila*” itu sahaja pun, kita rasakan sudah cukup amat menakutkan semua orang, apatah lagi bila kalimah “*gila*” ini ditambah dengan kalimah “*isim*”, hingga kita sebut “*gila isim*”.

Kalimah “*isim*” pula secara literal bermakna nama. Maksudnya nama bagi *dhat Allah*, atau mana-mana nama *sifat jalal* dan *jamalnya*, seperti *Al-Khaliq*, *Al-Kabir*, *Al-Muta’ali*, *Ar-Rahman*, *Ar-Rahim* dan sebagainya lagi dari nama-nama Allah yang diulang-ulang sebut terus-menerus dalam amalan dhikir dan tafakkur ahli tarekat tasawuf.

Oleh sebab seseorang yang telah melibatkan amalan *zikir* dan *tafakkur* tersebut jadi gila, akal fikirannya jadi tidak waras, tidak siuman, bercakap merapu-rapu, seolah-olah yang bercakap dan berfikir itu bukan dirinya yang sebenar, maka disebutlah orang ini sebagai orang yang “*gila isim*.”

SENARIO PEMIKIRAN DAN PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP *GILA ISIM*

Masyarakat kita sememangnya berasa lebih takut dan lebih waspada terhadap *gila isim*, berbanding dengan pelbagai jenis gila lainnya, seperti gila babi, gila talak, gila meroyan, gila kerosakan, gila bayang, gila ketagih *video game* dan sebagainya lagi.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan masyarakat sangat takut terhadap gila isim. Antara faktor utamanya ialah kerana mereka tidak mempunyai ilmu, kefahaman dan maklumat yang cukup bagi menjana pemikiran yang waras yang mampu memahami, menghadapi dan menyelesaikan isu dan masalah gila isim. Sebab itulah pemikiran mereka sentiasa diselubungi oleh pelbagai anggapan atau persepsi yang negatif.

Mereka beranggapan bahawa gila isim biasanya disebabkan oleh ilmu dan amalan sesat, yang menyalahi akidah dan syariah Islam. Ilmu dan amalan sesat yang menyebabkan gila isim pada anggapan mereka ialah ilmu dan amalan tarekat. Kononnya, dalam ilmu dan amalan tarekat wujud pelbagai unsur kesesatan. Sememangnya bagi sesetengah masyarakat, tarekat sangat *sinonim* dengan ilmu dan amalan sesat.

Anggapan dan persepsi inilah yang kita dapati sangat *dominan* dalam pemikiran dan kehidupan masyarakat. Tentunya kita menghadapi tugas yang amat sukar untuk mengubah anggapan dan persepsi tersebut, lebih-lebih lagi masyarakat sentiasa melihat, wujudnya beberapa individu di kampung mereka atau di kampung sekitar yang berdekatan pada masa yang lepas jadi gila isim, setelah terlibat dengan ilmu dan amalan tarekat.

Media masa pula selalunya tidak mahu melepaskan peluang untuk membesar-besarkan dan menokok tambah kisah pesakit gila isim yang diyakini oleh masyarakat, kononnya menjadi mangsa ilmu dan amalan tarekat yang sesat; menjadi mangsa sihir pukat dan tipu daya jemaah tarekat.

Penulis skrip dan pengarah drama juga tidak mahu ketinggalan mementaskan pelbagai kisah gila isim yang dikaitkan dengan amalan zikir tarekat, di kaca-kaca tv, di corong radio dan di atas pentas dan dewan.

Pesakit gila isim itu pula, walaupun gila, disebabkan telah sehati dengan pelbagai disiplin adab murid dan adab tarekat tasawuf, maka ia kelihatan seperti bersifat sangat taksuf terhadap guru tarekatnya dan taksuf juga dengan ilmu dan amalannya .

Keluarga dan rakan-rakan pesakit biasanya membuat fitnah; kononnya gurunya telah gunakan sihir untuk mengawal dan menguasainya.

Fitnah mereka kian bertambah hangat dan memuncak, bila gurunya atau mana-mana ahli jemaahnya memberi tahu keluarga pesakit, agar jangan berubat dengan sesiapa, tetapi berubatlah terus dengan gurunya sahaja.

Dalam suasana dan keadaan penuh fitnah tersebut, biasanya keluarga atau penjaga akan mengawal dan mengurung pesakit. Penjaga atau keluarga akan ubatkan pesakit dengan

perawat lain, biasanya terdiri dari pawang atau bomoh atau tukang-tukang tilik dan peramal yang dianggap mempunyai tenaga dalaman, aura, power khusus dan kasyaf. Perawat yang baru ini biasanya akan menambahkan fitnah baru, isu dan masalah pesakit bertambah rumit.

Perawat yang baru ini, biasanya meneguhkan keyakinan keluarga pesakit, bahawa pesakit telah terlibat dengan amalan sesat dan telah terkena sihir. Kadang-kadang perawat yang baru akan tegaskan guru tarekat pesakit itu sememangnya difatwakan oleh mana-mana jabatan agama sebagai penyebar tarekat sesat, walaupun sebenarnya fatwa yang didakwa itu, tidak pernah dikeluarkan oleh mana-mana jabatan agama.

Biasanya pesakit gila isim tersebut tidak akan sembuh, malahan akan bertambah tenat. Ada kalanya pesakit tersebut akan sembuh dengan sendiri tetapi mengambil masa yang lama bertahun-tahun.

Mengapa kita katakan akhirnya gila isim orang tersebut sembuh sendiri tetapi mengambil masa bertahun?

Sebab dalam masa yang begitu lama, pesakit tersebut telah meninggalkan amalan zikrullah, maka syaitan atau jin yang ada dalam tubuh pesakit tersebut tidak lagi terancam dengan kesan amalan zikrullah yang selama ini menyebabkan syaitan atau jin dalam tubuhnya kepanasan. Akhirnya syaitan atau jin itu boleh duduk dengan selesa di dalam tubuh pesakit tersebut.

Wujud juga anggapan bahawa gila isim terjadi disebabkan pesakit beramal secara berlebihan hingga terpaksa menyeksa diri dengan amalan yang berat-berat, tanpa pedulikan aspek kesihatan, makan minum, terus berpuasa, berlapar dan berjaga, tanpa rehat dan sedikit sahaja tidur. Akhirnya rohaninya tidak mampu menanggung, maka jadilah gila isim. Mereka menegaskan amalan melampau seperti ini tidak diperintah dalam Islam; mereka berdalil dengan firman Allah:

...وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ... ٧٨

Maksudnya: "... dan Allah tidaklah menjadikan (urusan) agama itu berat menyusahkan kamu..."

(Surah al-Haj, ayat 78).

Masyarakat juga beranggapan gila isim sangat sukar sembuh; sangat sukar dapatkan perawat atau doktor yang boleh merawat hingga sembuh; mereka beranggapan penyakit gila isim itu akan dibawa oleh pesakit hingga mati.

BEBERAPA KISAH GILA ISIM DARI FAIL MANARAH

Rasanya sangat elok jika kita paparkan dalam kertas kerja ini beberapa kisah gila isim yang terdapat dalam fail Pusat rawatan Islam MANARAH. Tentunya kisah gila isim yang kita tatap ini akan dapat membantu kefahaman kita mengenai gila isim.

KISAH 1

Haji Sulaiman, berumur 47 tahun, tinggal menetap di Sepang telah mengalami gila isim. Beliau menderita diserang gila isim semasa bersuluk kali pertama di Madrasah Manaratil-'Ilmi Kuantan Pahang pada tahun 2016.

Biasanya, seorang yang bersuluk di serang oleh *gila Isim* apabila seseorang yang bersuluk melepasi *zikir nafi isbat*. Haji Sulaiman mengalami *gila isim* sesudah beliau sampai ke tingkat zikir tersebut. Khalifah yang bertugas, dapat melihat tanda-tanda Haji Sulaiman akan diserang gila isim ketika beliau berada di tingkat *zikir latifatul kulli jasad*, kerana fikiran, emosi, tingkah laku dan percakapan beliau sudah mulai kurang normal. Oleh yang demikian, khalifah yang bertugas sepatutnya mengarahkan Haji Sulaiman supaya berhenti daripada berzikir dan tidak ditingkatkan ke tingkat *zikir nafi isbat*. Tetapi kesilapan telah berlaku, maka Haji Sulaiman jadilah *gila isim*.

Beliau segera dikeluarkan daripada suluk dan terus dihantar pulang ke rumahnya di Sepang. Sesudah habis suluk, beliau dibawa oleh saudara maranya ke Pusat Rawatan Islam Manarah bagi menerima rawatan dan pemeriksaan.

Salah seorang ahli keluarga Haji Sulaiman tidak puashati, akhirnya disebabkan Haji Sulaiman nampak agresif, dua orang pegawai polis daripada Balai Polis Kuang pun datang untuk membantu mententeramkan keadaan. Haji Sulaiman hendak dibawa ke Balai Polis Kuang tetapi beliau tidak mahu dan kedua-dua Pegawai Polis pun berasa takut tetapi dengan pujukan penulis akhirnya beliau mahu pergi ke Balai Polis Kuang.

Di Balai Polis tersebut Haji Sulaiman bertingkah laku tidak siuman dan menakutkan semua orang dan tidak mahu mengikut arahan, kecuali arahan penulis. Sesudah report dibuat Haji Sulaiman dibawa oleh penulis ke Hospital Sg Buloh semata-mata untuk memuaskan hati anggota keluarga.

Ketika di Hospital, penulis minta pada pakar Ilmu Jiwa (Psiktrik) untuk melakukan suntikan (untuk menenangkan dan menidurkan) pada Haji Sulaiman. Setelah disuntik Haji Sulaiman terus tenteram dan tidur.

Pada hari esoknya penulis mengarahkan dua orang jemaah untuk merawat Haji Sulaiman. Kedua orang jemaah mendapati Haji Sulaiman telah terlibat dengan amalan bertapa dan alat-alat pertapaan pun dimusnahkan. Semua catitan amalan yang salah dibakar. Setelah dirawat selama dua hari, akhirnya Haji Sulaiman sembuh sepenuhnya.

Kesimpulannya, Haji Sulaiman jadi gila isim adalah disebabkan syaitan atau jin yang telah menghuni di tubuh badannya. Syaitan atau jin tersebut masuk ke tubuh badannya akibat dari amalan pertapaan yang dilakukannya. Menurut beliau, beliau bertapa selama tujuh malam di tepi sebuah tasik secara berjemaah.

Lepas itu beliau bertapa di tempat yang sama sendirian, juga selama tujuh malam berturut-turut. Semasa bertapa seorang diri itulah beliau berasa ada satu lembaga yang datang dari arah belakang tetapi beliau tidak tahu ke mana perginya lembaga itu akhirnya. Sebenarnya syaitan atau jin yang datang itu telah masuk ke dalam tubuhnya.

Kita dapat lihat dengan jelas wujud anggota keluarga yang seolah-olah menuduh ilmu dan amalan Tarekat Naqsyabandi yang terdiri dari *zikir*, *uzlah* dan *khalwat* itulah yang menyebabkan Haji Sulaiman jadi *gila isim*. Baik juga isteri Haji Sulaiman adalah seorang ustazah yang segera memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh suaminya. Isterinya benar-benar bekerjasama ketika suaminya dirawat.

KISAH 2

Cikgu Fatimah berusia 54 tahun telah mengalami gila isim pada tahun 1998, ketika bersuluk di Surau Babul-Khayrat Jalan Suka Kg Melayu Majidi Johor Baharu. Para perawat yang ditugaskan mendapati ada tiga syaitan atau jin dalam tubuhnya. Syaitan atau jin pertama, sebab sihir yang dilakukan oleh seorang pemuda yang berhasrat menjadikannya sebagai isteri.

Syaitan atau jin sebab sihir ini berjaya dikeluarkan, kerana beberapa simpulan sihir yang ditanam di sekitar rumah keluarga cikgu dapat ditemui dan dimusnahkan.

Syaitan atau jin kedua merupakan saka dari datuk nenek sebelah ibu cikgu tidak boleh dikeluarkan, kerana keluarga sebelah ibunya tidak mahu bekerjasama. Mereka tidak mahu memusnahkan barang-barang warisan dari datuk nenek, atas alasan, kononnya, barang-barang tersebut sangat berharga dan banyak memberi tuah kebaikan.

Syaitan atau jin ketiga berpunca dari amalan ayah cikgu sendiri. Ayah cikgu Fatimah seorang imam masjid di kampungnya yang selalu membaca khutbah. Beliau mengaku belajar zikir tarekat menerusi mimpi. Dalam mimpi syeikh tarekatnya, seorang wali akan datang mengajar wirid dan zikir. Semua wirid dan zikir yang dipelajari semasa mimpi itu ditulis dalam sebuah buku khas.

Syaitan atau jin ini mengaku akan keluar dari tubuh badan cikgu sekiranya semua catatan amalan ayahnya itu dibakar. Malangnya ayah cikgu tidak mahu membakarnya. Kononnya amalan itu betul.

Ketika ini cikgu Fatimah tidak menderita diserang gila isim, tetapi beliau tidak boleh meningkatkan tahap zikirnya ke tahap zikir **nafi ithbat**. Beliau boleh bersuluk dan berzikir di peringkat permulaan sahaja iaitu zikir pada **lataif** atau pada sebahagian daripada **lataif**. Beliau jika bersuluk sentiasa diletakkan di bawah pengawasan khas.

Kesan syaitan atau jin yang masih dalam tubuhnya menyebabkan beliau ketika mengerjakan solat, tubuh badannya tidak stabil, tidak boleh diam tenang, kepalanya terangguk-angguk, badannya bergelombang.

KISAH 3

Haji Ali pada tahun 1999, semasa berumur 50 tahun, telah diserang gila isim. Ketika bersuluk di surau Babul Khayrat Jalan Suka Johor Baharu. Sebelum beliau belajar tarekat dan bersuluk, beliau dikenali oleh rakan sepejabat dan orang kampungnya sebagai "**Haji Ali kasyaf**". Beliau digelar demikian sebab beliau mengaku diletakkan oleh Allah dalam keadaan kasyaf semata-mata. Beliau mendakwa boleh nampak syaitan, jin dan pelbagai jenis hantu.

Beliau mengaku telah belajar untuk duduk dalam alam kasyaf dari seorang guru kasyafnya yang bernama Tengku Karim. Beliau setiap hari harus membaca al-Fatihah sebanyak 300 kali dan puasa selama 44 hari. Sepanjang masa 44 hari beliau tidak boleh makan atau minum makanan atau minuman yang kena api. Sebab itu beliau makan buah dan minum air tebu. Setelah tamat puasa 44 hari, maka beliau pun kasyaf, nampak syaitan dan jin.

Ketika bersuluk, beliau tidak boleh berzikir menyebut Allah...Allah...Allah dalam hati. Syaitan telah mengajar beliau supaya bayangkan kalimah Allah berwarna keemasan, kemudian niatkan rohnya masuk dalam kalimah Allah itu. Setelah rohnya berada dalam kalimah Allah hati niatkan nak pergi ke 'Arasy. Sedetik sahaja, kononya beliau telah berada di 'Arasy.

Kemudian beliau niatkan melawat tujuh lautan, sebentar sahaja beliau sudah berjaya melawat tujuh lawatan dan menyaksikan pelbagai makhluk yang ajaib. Beliau akhirnya menemui penulis supaya zikir Allah... Allah... Allah... ditukar sahaja memandangi kalimah Allah. Amalan zikir Allah... Allah... Allah... sangat leceh kerana lambat untuk sampai kepada hakikat. Dengan memandangi kalimah Allah kononnya cepat sampai kepada hakikat dan makrifah.

Sehari dua selepas itu, beliau pun jadi gila, lalu dikeluarkan daripada suluk dihantar ke rumah. Keluarganya membawa Haji Ali menemui gurunya Tengku Karim. Gurunya melarang beliau untuk meneruskan amalan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah, kerana kononnya gurunya iaitu penulis sendiri adalah guru yang mengajarkan ajaran sesat menggunakan syaitan dan jin. Akhirnya Haji Ali jadi baik semula sesudah meninggalkan zikir bertahun-tahun.

SIAPAKAH SYAITAN DAN JIN?

Iblis dan seluruh keturunannya (golongan syaitan) berasal dari jin. Firman Allah:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ ... ٥٠

Maksudnya: "Dan ingatlah ketika Kami berfirman kepada para malaikat; sujudlah kamu kepada Adam, maka semua malaikat pun sujud, kecuali Iblis. Iblis adalah (berasal) dari jin..."

(Surah al-Kahfi, ayat 50).

Di samping Iblis dan seluruh syaitan keturunannya, wujud juga syaitan-syaitan syaitan dan jin-syaitan manusia. Firman Allah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَاطِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ ... ١١٢

Maksudnya: "Dan demikianlah Kami jadikan untuk setiap seseorang nabi musuh (terdiri dari) syaitan-syaitan manusia dan syaitan-syaitan jin..."

(Surah al-Anam, ayat 112)

Syaitan-syaitan manusia ialah manusia yang telah dikuasai oleh syaitan, akalannya, pemikirannya, emosinya, tingkah lakunya dan ucapannya. Zahirnya kelihatan manusia, tetapi dalamnya adalah syaitan. Sebagai contoh manusia yang gilakan seks sejenis atau mereka yang terlibat dalam LGBT.

Maklumat mengenai syaitan atau jin ini sangat penting supaya kita jangan mengambil mudah untuk bersahabat dengan syaitan atau jin.

BEBERAPA SUDUT PERSAMAAN MANUSIA DENGAN JIN

Manusia memang berbeza dengan syaitan dan jin. Perbezaannya yang penting ialah dari sudut kejadian tubuh badan. Tubuh badan syaitan dan jin adalah *jismun latifun* (jasad yang halus tidak boleh dilihat) kerana dijadikan daripada api, sedang tubuh manusia adalah *jismun kathifun* (jasad yang kasar) kerana dijadikan daripada empat unsur iaitu tanah, air, api dan angin.

Syaitan dan jin tidak dapat dilihat seperti yang Allah sebutkan dalam firmanNya:

... إِنَّهُ يَرَاكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ ... ٢٧

Maksudnya : “*Sesungguhnya syaitan dan puak-puaknya nampak kamu dari keadaan sekira-kira kamu tidak nampak mereka.*”

(Surah Al-‘Araf: ayat 27)

Walaupun manusia tidak nampak syaitan dan jin. Manusia yang mempunyai pengalaman dan ilmu yang diperlukan akan dapat mengetahui wujudnya syaitan dan jin pada satu tempat atau pada tubuh badan manusia. Misalnya sifat seseorang yang luar biasa seperti marah atau terlalu sangat suka atau ketagih sesuatu seperti ketagih arak, judi, *game*, dadah dan lain-lainnya.

Bagaimanapun syaitan dan jin mempunyai persamaan dengan manusia dari beberapa aspek kejadian yang penting:

1. Syaitan dan jin seperti manusia, mempunyai hati dan akal. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا... ١٧٩

Maksudnya : “*Dan sesungguhnya kami sediakan untuk neraka ramai dari kalangan jin dan manusia. Mereka (jin dan manusia) mempunyai hati tetapi, mereka tidak mampu menggunakannya lagi memahami (kebenaran Allah), mereka mempunyai mata tetapi mereka tidak mampu menggunakannya untuk melihat (kebenaran Allah), dan mereka mempunyai telinga, tetapi mereka tidak mampu menggunakan telinga untuk mendengar (kebenaran Allah)...*”

(Surah Al-An’am : Ayat 179)

Keterangan : Mata dan telinga manusia dan jin bermaksud akal, sebab akal hanya boleh berfungsi bila dibantu oleh penglihatan dan pendengaran. Tanpa penglihatan dan pendengaran akal tidak boleh diguna. Sebab itu seorang yang dilahirkan dalam keadaan buta dan pekak tidak ada taklif agama.

2. Syaitan dan jin seperti manusia mempunyai nafsu dan mempunyai zuriat.
3. Syaitan dan jin perlu makan dan minum yang sesuai dengan kejadian mereka begitu juga manusia, perlu makan dan minum
4. Syaitan dan jin juga sentiasa menghadapi risiko berpenyakit seperti manusia, jika manusia boleh diserang oleh berbagai penyakit fizikal dan mental, maka begitulah juga syaitan dan jin. Jika manusia menghadapi risiko sakit *stroke*, gila dan lain-lainnya, maka begitulah juga syaitan dan jin, sehingga syaitan dan jin juga boleh mati misalnya jika diserang oleh satu-satu penyakit seperti juga manusia.

5. Syaitan dan Jin boleh bercakap seperti manusia dan ada juga setengah syaitan dan jin yang bisu seperti manusia.

Semua fakta mengenai apa yang kita sebutkan boleh kita temui dalam pengalaman sesiapa sahaja ketika memberi rawatan kepada manusia yang menderita diserang oleh pelbagai jenis penyakit.

FAKTOR PENYEBAB JIN MASUK KE TUBUH BADAN

Titik permulaan *Gila Isim* yang dideritai oleh seseorang adalah bermula dari syaitan dan jin yang masuk ke tubuh manusia tersebut. Ada lima faktor penting yang menyebabkan syaitan dan jin masuk ke tubuh manusia;

1. Masuk sendiri sama ada kerana suka atau kerana marah. Biasanya ia mudah dikeluarkan, malahan kadang-kadang syaitan atau jin itu akan keluar sendiri. Misalnya jin yang masuk dan menghuni di bawah telinga yang akan menyebabkan orang itu demam sehari dua. Akhirnya jin itu akan keluar sendiri, maka demam akan hilang.
2. Berbagai ilmu salah yang diamalkan, berlawanan dengan akidah dan syariat. Ianya tidak akan keluar sehingga orang yang mengamalkannya bertaubat dan membuang semua amalan yang salah itu dengan bantuan seorang yang benar-benar 'alim dan biasa membantu mereka yang menghadapi masalah tersebut. Orang tersebut bila belajar ilmu tasawuf dan beramal *zikrullah* yang diajar dalam mana-mana *tarikat* golongan *sufi* tanpa membersihkan diri terlebih dahulu dari semua unsur kebatilannya, maka syaitan atau jin dalam tubuh akan menghadapi risiko yang tinggi untuk jadi *gila isim*.
3. Faktor saka. Demikian juga syaitan atau jin yang masuk ke tubuh disebabkan oleh saka sukar dikeluarkan dan akan menghadapi risiko yang tinggi untuk menjadi *gila isim*, malahan faktor saka inilah yang menjadi sebab utama berlakunya *gila isim*.
4. Faktor sihir. Mengenai faktor sihir pula ada syaitan atau jin yang digunakan mudah dikeluarkan dan ada yang sukar dikeluarkan. Ini bergantunglah kepada cara apa sihir itu dibuat. Sihir yang menggunakan simpulan sihir (*al-uqud*) sukar dikeluarkan sehinggalah simpulan sihir itu dimusnahkan.
5. Gaya hidup orang yang suka minta pertolongan daripada pawang, bomoh, tukang-tukang urut yang menggunakan syaitan atau jin. Biasanya syaitan atau jin yang masuk

menerusi faktor ini mudah di dikeluarkan, kecuali bila ada melibatkan penggunaan tangkal, azimat, *wafaq*, *ta'widh* dan sebagainya. Tangkal azimat dan wafak adalah merupakan simpulan sihir (*al-uqud*)

Biasanya syaitan atau jin yang telah lama menghuni dalam tubuh seseorang ia telah dapat mengawal seluruh fizikal dan mental, menguasai akal fikiran, pandangan, pendengaran, perasaan, ucapan, tingkah-laku, sifat-sifat zahir dan batin dan berbagai aspek lainnya. Orang tersebut zahirnya manusia hakikatnya syaitan atau jin. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Allah dalam al-Quran dengan firmanNya:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ
الْمَيْمِ ... ٢٧٥

Maksudnya; "Orang-orang yang makan riba tidak boleh bangun berdiri (dengan betul) kecuali seperti banggunya orang yang dirasuk oleh syaitan sebab syaitan telah masuk dan menguasai dalam tubuhnya".

(Surah al-Baqarah: ayat 275)

Dari ayat ini juga dapat kita fahami bahawa bila syaitan masuk ke tubuh dan menguasai seseorang maka akan timbul berbagai penyakit, termasuklah *gila isim*.

Bila syaitan atau jin berada dalam tubuh manusia, adakah syaitan atau jin tersebut boleh kita dikeluarkan dari tubuh manusia tersebut? Jawapannya adalah seperti berikut :

1. Ada yang boleh dikeluarkan dengan cara yang mudah.
2. Ada yang boleh dikeluarkan dengan cara susah payah.
3. Ada yang tidak boleh dikeluarkan sama sekali, kecuali bila diketahui sebab yang mendorong jin tersebut berada dalam tubuh badan manusia sehingga tidak boleh dikeluarkan.

Sesudah diketahui sebab-sebabnya, maka sebab-sebab tersebut hendaklah disingkirkan atau dimusnahkan. Antara sebab yang menjadikan jin dalam tubuh tidak boleh keluar ialah pelbagai jenis simpulan sihir. Sebab saka atau benda-benda tertentu yang dimiliki oleh seseorang dan sebagainya lagi.

GILA ISIM GEJALA JANGKITAN PENYAKIT SYAITAN GILA ATAU JIN GILA

Sebenarnya penyakit *gila isim* yang menyerang seseorang adalah merupakan sejenis penyakit berjangkit. Bukan berjangkit dari seorang manusia ke seorang manusia lain, seperti yang biasa kita fahami. Tetapi berjangkit daripada syaitan atau jin kepada manusia. Jelas

sekali penyakit *gila isim* adalah merupakan jangkitan penyakit syaitan yang gila atau jin yang gila.

Syaitan atau jin yang gila itu telah lama menjadi penghuni tetap dalam tubuh pesakit tersebut, yang tidak boleh keluar sama sekali. Pada mulanya, syaitan atau jin tersebut yang gila, kemudian penyakit gila syaitan atau jin tersebut berjangkit kepada orang tersebut. Sudah pasti jangkitan tersebut mudah berlaku kerana syaitan atau jin berada dalam tubuh manusia.

MENGAPA SYAITAN ATAU JIN DALAM TUBUH MANUSIA JADI GILA?

Bila syaitan atau jin menghuni dalam tubuh badan seseorang, dan tidak boleh keluar dengan sendiri mudah menanggung risiko berbagai ancaman. Apabila orang tersebut terdedah dengan satu keadaan atau satu ancaman yang biasa meninggalkan kesan buruk terhadap syaitan atau jin tersebut, seperti bila orang tersebut dipukul atau dirotan maka syaitan atau jin yang di dalam akan menanggung rasa sakit lebih daripada apa yang dirasakan dan ditanggung oleh manusia.

Contohnya, menurut satu riwayat seorang sahabat bila menunggang kuda akan terpelanting jatuh. Sahabat tersebut akhirnya dibawa kepada Rasulullah saw. Baginda memerintahkan sahabat tersebut membuka bajunya lalu menepuk dadanya beberapa kali dengan kuat, sehingga tapak tangan Rasulullah SAW berbekas pada dadanya. Syaitan atau jin yang di dada terpaksa lari keluar kerana tidak tahan menerima tepukan Rasulullah SAW. Rasa sakit yang ditanggung oleh syaitan itu lebih daripada apa yang dirasakan oleh sahabat.

Syaitan atau jin yang berada dalam tubuh manusia juga akan merasa kesan sakit, apabila dibacakan *ruqyah*. Apabila kesan *ruqyah* benar-benar mengancam nyawa syaitan atau jin tersebut akhirnya ia terpaksa lari keluar, jika sekiranya ia mampu melakukannya. Jika tidak mampu keluar, jin tersebut akan meraung-raung kesakitan.

Dalam setengah kes, syaitan atau jin yang tidak boleh keluar ketika dibacakan *ruqyah*, akhirnya memecahkan rahsia macamana kaedah yang mesti dibuat oleh perawat supaya ia dapat keluar. Contohnya Jin Ifrit yang berada dalam tubuh seorang pesakit kesan sihir memberitahu kepada perawat ia hanya boleh keluar apabila pesakit itu dicukur lalu disapu kepala dengan air cuka limau nipis yang dicampur dengan garam halus. Bila dilakukan barulah syaitan atau jin tersebut keluar walaupun sudah berminggu ia tidak dapat keluar.

Fakta yang diterangkan boleh kita jadikan asas untuk memahami berlakunya gila isim pada seseorang. Bila seseorang yang beramal dengan ilmu dan amalan tarekat terus menerus mengamalkan *zikrullah* dan *tafakkur*, yang tidak putus-putus siang dan malam tentunya, kesan terhadap syaitan atau jin yang berada dalam tubuh orang tersebut lebih hebat berbanding dengan kesan bacaan *ruqyah*.

Seorang yang sedang bersuluk selama 10 hari atau 20 hari, seperti yang diamalkan dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah biasanya terus berzikrullah dengan menyebut *ismu al-dhat Allah... Allah... Allah...* di dalam hati, tentu meninggalkan kesan yang hebat dan berat terhadap syaitan atau jin yang berada dalam tubuh. Demikian juga kesan *zikrullah* yang terus diamalkan tanpa putus-putus yang diajarkan dalam mana-mana tarekat, akan memberi kesan yang sama.

Syaitan atau jin yang tidak boleh keluar dari tubuh badan akan mengalami kepanasan dan kesakitan yang berterusan bila orang tersebut kekal dalam *zikrullah*. Impak dari zikrullah tersebut menyebabkan akal fikiran syaitan atau jin itu tidak stabil dan akhirnya menjadi gila, maka jadilah syaitan *gila* atau jin *gila* disebabkan *zikir* nama-nama Allah. Maka syaitan atau jin tersebut mengalami gila *isim*.

Kehebatan kesan *zikir ismuth al-dhat* pernah digambarkan oleh setengah ulamak tasawuf dengan menggunakan dalil ayat al-Quran secara *isyari*. Firman Allah SWT :

قَالَتْ إِنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوا أَعِزَّةَ أَهْلِهَا أَذِلَّةً ... ٣٤

Maksudnya : “Balqis berkata (kepada pegawai tentera dan pegawai tingginya), sesungguhnya tentera nabi Sulaiman a.s. itu, apabila masuk satu negeri akan dapat mudah ditawan dan penduduk yang mulia dijadikan hina...”

(Surah An Naml, ayat 34)

Secara *isyari*, *ismuth al dhat Allah* apabila masuk ke dalam bumi hati atau rohani seseorang, apa sahaja unsur-unsur jahat akan binasa hancur lebur.

TEORI LAIN

Ada juga pandangan setengah ulamak tasawuf dan tarikat yang mengutarakan suatu teori yang berlainan sedikit dari teori tersebut di atas. Teori ini mengaitkan dua perkara yang berlawanan iaitu antara suci bersih dengan kotor. Ilmu tasawuf dan zikrullah, terutamanya zikrullah yang khusus adalah merupakan perkara yang sangat suci bersih. Ianya adalah merupakan santapan yang sebaik-baiknya bagi aspek rohani.

Keadaannya bolehlah diibaratkan sebagai makanan yang enak lagi berkhasiat bagi tubuh badan. Jika makanan yang tersebut ini dicampurkan dengan bahan-bahan yang kotor lagi membahayakan tubuh badan, bila dimakan oleh seseorang tentu akan merosakkan kesihatan. Berbagai penyakit mungkin akan timbul. Demikian juga ilmu tasawuf dan amalan zikrullah yang telah dicampur aduk dengan berbagai unsur yang mengotorkannya, seperti unsur syaitan dan jin, maka ia tidak akan memberi faedah kepada aspek rohani. Sebaliknya ia akan menyebabkan aspek rohani menjadi sakit, kerana makanannya sudah menjadi kotor. Di antara impaknya ialah *gila isim*.

Setengah syekh tasawuf dan tarikat sangat teliti bila didatangi oleh seorang yang ingin belajar, sehingga ada orang yang menyangka syekh tersebut cerewet dan lokek sangat untuk menyebarkan ilmunya kepada orang lain. Sebenarnya syekh tersebut bertujuan supaya ia dapat mengetahui secara pasti keadaan zahir dan batin orang yang ingin belajar itu, sama ada orang itu bersih dari unsur-unsur yang mengotorkan zahir batinnya atau sebaliknya.

Sesudah diterima menjadi murid biasanya arahan yang mula-mula dilakukan oleh syekh kepada murid yang baru ialah menumpukan amalan taubat, termasuklah mandi sunat taubat, sembahyang sunat taubat, memperbanyakkan *istighfar* dan doa-doa taubat. Langkah tersebut antara lain bertujuan supaya unsur syaitan dan jin tidak ada dalam diri murid tersebut. *Gila isim* akan dapat dielakkan.

IMPAK AMALAN SESAT

Di dapati sesetengah orang yang *gila isim* disebabkan oleh berbagai amalan sesat. Kita boleh dapati seribu satu macam amalan sesat dalam masyarakat yang boleh menyebabkan seseorang menjadi *gila isim*. Amalan sesat bukan hanya yang ada kaitannya dengan tasawuf dan tarikat sahaja, tetapi ianya meliputi berbagai bidang lainnya, seperti berbagai amalan yang berkaitan dengan kepahlawanan, seni mempertahankan diri, sesetengah seni budaya, amalan yang berkaitan dengan kecantikan dan aspek-aspek lain. Berkaitan dengan aspek tasawuf dan tarikat yang dikotori dengan unsur-unsur kesesatan memang sukar dikenal pasti terutamanya oleh orang awam. Sebab, zikir yang diajarkan sama seperti yang diamalkan dalam tarikat yang muktabar yaitu tahlil *La ilaha illallah* dan menyebut nama-nama dan sifat-sifat Allah.

Bagaimanapun ada penggunaan syaitan dan jin yang sengaja dimasukkan kedalam tubuh murid. Misalnya, ketika mentalkinkan zikir, syekh memegang ibu jari murid erat-erat sambil menyebut *La ilaha illallah*. Tangan murid akan menggeletar dengan kuat dan terasa ada sesuatu yang masuk ke dalam tangan. Pengambilan zikir ajaran sesat biasanya di akhiri dengan pemberian pengeras sama ada dari syekh kepada murid atau dari murid kepada syekh. Pengerasnya seperti pisau atau jarum, pakaian dan sebagainya. Akhirnya bila zikir itu diamalkan secara berterusan maka murid akan menjadi gila.

IMPAK BELAJAR TANPA SYEIKH

Ada beberapa kes *gila isim* yang penulis temui yang disebabkan kerana belajar tanpa syekh, khasnya yang melibatkan ilmu tauhid dan tasawuf. Ada ungkapan orang sufi yang terkenal; "Belajar tanpa syekh maka syaitanlah syekhnya". Semasa bertugas menjadi pensyarah di Universiti Malaya ada seorang mahasiswa lelaki yang *gila isim* kerana belajar tanpa syekh. Bila mahasiswa tersebut asyik membaca buku yang menjelaskan kadrat iradah Allah, tiba-tiba ia terdengar suara yang menyebutkan kalau ia mahu menguatkan keyakinan tentang

kadrat iradat Allah, hendaklah ia menulis nama Allah di atas sehelai kertas, kemudian bakarlah kertas itu di api lilin.

Mahasiswa tersebut melakukan apa yang didengarnya. Apa yang menabjubkan kertas itu tidak terbakar walaupun lilin sebatang telah habis. Pada satu ketika kemudian bila beliau solat mesti terkentut. Akhirnya dia mendengar suara jika terkentut tidak wajib mengambil air sembahyang, kerana yang keluar hanya angin. Pada satu masa kemudian ia mendengar suara bahawa minum arak yang haram jika mabuk, jika tidak mabuk tidak haram. Beliau pun minum arak. Sesudah itu beliau mendengar suara lagi yang menyebutkan zina itu tidak haram kerana perbuatan zina itu sama sahaja dengan perbuatan orang yang bernikah. Beliau pun berzina.

Beberapa lama kemudian, beliau terfikir, takkanlah begini ajaran Islam sebenar. Akhirnya beliau mengalami *gila isim* dan diwadkan di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Rakan-rakan beliau menganggapnya sebagai orang yang *gila isim* lalu dibawa menemui penulis untuk mendapatkan rawatan. Banyak kes *gila isim* disebabkan faktor tersebut.

TANDA-TANDA GILA ISIM

Gila isim yang disebabkan oleh amalan zikrullah ada beberapa tanda awal. Syeikh tarikat yang luas pengalamannya akan dapat menghidu tanda-tanda awal tersebut. Antara tandanya ialah murid itu merasakan sangat panas atau sangat sejuk, berasa sakit seluruh badan ketika berzikir, sakit kepala, sakit kaki, sakit lutut, sakit perut, asyik buang angin, nampak-nampak berbagai rupa objek, mendengar suara bisikan, tiba-tiba tersenyum, mengeletar seluruh badan, mata merah, pandangan mata liar, gerak-gerinya mula tidak normal dan sebagainya lagi. Oleh sebab itu syeikh tersebut akan melarang murid tersebut daripada berzikir. Ia akan direhatkan dari beban amal seperti berzikir dalam *khalaqah* (zikir berjemaah), kecuali menunaikan sembahyang fardhu lima waktu dan membaca selawat Nabi. Murid tersebut akan dimandikan dengan air batu berulang-ulang kali untuk menurunkan suhu badan.

Bila *gila isim* telah benar-benar menyerang seseorang, maka antara tandanya yang penting ialah akal fikirannya tidak waras, bercakap ketika sembahyang, menyanyi, bercakap mengenai perkara-perkara yang hebat seperti mengaku menjadi wali sehingga ada yang mengaku menjadi imam Mahadi.

Seluruh badan jadi panas terutamanya di bahagian kepala, semua percakapannya tidak ada yang betul, bercakap tidak berhenti. Biasanya orang yang *gila isim* tidak bersifat agresif, tetapi ada juga beberapa kes yang meraung dan memekik serta mengeluarkan kata-kata yang mengancam orang-orang tertentu.

Dari satu sudut orang *gila isim* seolah-olah serupa dengan orang yang mengalami tekanan (*stress*). Selalu juga berlaku seorang yang mengalami *stress* dianggap *gila isim*. Keluarganya

akan membawa berulang-ulang kali bagi mendapatkan rawatan daripada pawang dan bomoh. Untuk maklumat pembaca, seorang yang mengalami tekanan (*stress*) ada tiga tanda yang penting:

1. Ia sukar tidur hingga tidak boleh tidur sama sekali lebih dari tiga malam berturut-turut.
2. Ada sesuatu perkara yang disebut berulang-ulang. Dalam satu jam masalah tersebut diulang berpuluh-puluh kali.
3. Ia berkelakuan baik, tiba-tiba bertindak menjadi agresif. Orang yang mengalami stress biasanya akan sembuh bila diwadkan dan diberikan rawatan oleh pakar sakit jiwa (psikiatris). Penyakit gila isim tidak akan sembuh dengan rawatan cara ini.

KEKELIRUAN SETENGAH SYEIKH TAREKAT

Setengah syeikh tarikat, yang tidak cukup ilmu, kefahaman dan pengalaman selalu terkeliru ketika menghadapi murid yang *gila isim*. Ada yang beranggapan muridnya yang *gila isim* dianggap sedang berada dalam keadaan as-sakru (mabuk zikir), kadang-kadang dia anggap sedang *fana'*, kadang-kadang dianggap sedang dalam keadaan *majdhub* (aspek rohaninya tertarik dan berpaling kepada Allah), kadang-kadang dianggap sedang tenggelam dalam lautan hakikat dan berbagai anggapan lain yang batil.

Oleh sebab itu syeikh mereka membiarkan keadaan murid yang *gila isim* itu tanpa dilakukan langkah-langkah untuk merawatnya. Apabila kita tanya kepada rakan-rakannya mengenai murid yang *gila isim* itu, maka mereka akan memberikan jawapan yang salah. Jawapan mereka merujuk kepada berbagai anggapan syeikh mereka yang tersebut.

Lebih menyedihkan kita lagi, murid yang *gila isim* itu dianggap telah mencapai tahap kerohanian yang tinggi dan menjadi idola rakan-rakannya. Lebih-lebih lagi bila murid yang *gila isim* itu menceritakan kehebatan pengalaman kerohaniannya atau pengalaman *kasyafnya*. Contohnya ketika berzikir, kononnya rohnya telah dibawa oleh Allah melawat *arasy* dan melawat ke dalam seluruh tujuh lautan dan dapat menyaksikan berbagai makhluk Allah yang sangat menakjubkan.

Tegasnya seribu satu pengalaman yang pelik-pelik telah dialami. Memang terlalu banyak cerita mengenai kekeliruan tentang *gila isim* tersebut yang boleh ditulis dalam beberapa buah buku.

LANGKAH PENCEGAHAN

Mengutamakan langkah-langkah pencegahan apa juga penyakit adalah lebih baik dari usaha penguabatan. Oleh yang demikian sebagaimana yang telah disebutkan di atas, syeikh tarikat

yang telah melihat tanda-tanda awal *gila isim* pada seseorang murid, akan segera bertindak untuk mencegahnya.

Dalam sesetengah tarikat seperti *naqshabandiyyah*, tanda-tanda awal *gila isim* akan dapat dikesan ketika murid sedang berada di tingkat zikir tujuh *lataif* (tujuh tempat dalam tubuh di mana zikir Allah, Allah ditujukan). Kadang-kadang tanda awal *gila isim* begitu cepat ketara, iaitu ketika zikir murid baru sampai *lataif* yang ketiga atau yang ke empat. Bagaimanapun tanda tersebut akan menjadi sangat jelas ketika sampai *lataif* yang terakhir iaitu yang ke tujuh. Syeikh yang memimpin zikir akan segera bertindak dengan menghalang murid tersebut dari berzikir.

Tegasnya murid tersebut tidak dibenarkan berzikir sama sekali. Ia akan segera dirawat dengan berbagai cara antaranya dilakukan pemeriksaan dan diambil berbagai keterangan supaya penyakitnya dapat di diagnosis. Murid tersebut biasanya dibenarkan untuk berzikir peringkat biasa yang dikenali dengan zikir lima ribu (menyebut Allah... Allah... Allah... lima ribu kali sehari semalam). InsyaAllah murid tersebut tidak akan terjerumus dalam *gila isim*. Selain daripada itu rawatan seperti yang disebutkan diatas dilakukan juga, terutamanya dimandikan dengan air batu.

LANGKAH RAWATAN

Dalam tarikat *naqshabandiyyah*, *gila isim* hanya akan berlaku bila seseorang murid melepasi tingkat *zikir nafi ithbat*, *La ila ha illallah*, yang bertujuan untuk membulatkan sifat kehambaan diri sepenuhnya kepada Allah, yang biasanya didasari dengan doa munajat *La maksuda illallah* (tidak ada tujuan hidup kecuali Allah). Disebabkan murid begitu ramai, maka kadang-kadang syeikh terlepas pandang, sehingga ada murid yang sampai ke tingkat tersebut dan mengalami *gila isim* baru dapat dikesan.

Mengapakah di tingkat tersebut baru berlaku *gila isim*?. Sebab, di peringkat ini hati dan roh orang yang berzikir mula berpaling kepada Allah. Aspek zahir dan batin mula menjadi hamba Allah yang sebenar, tetapi masih terdapat unsur-unsur yang mengotorinya iaitu syaitan atau jin, maka berlakulah *gila isim*, seperti yang telah diterangkan diatas.

Bagi murid yang telah mengalami *gila isim* tidak boleh dirawat oleh perawat yang lain dari syeikhnya sendiri, kecuali apabila syeikhnya telah menyerahkan murid yang *gila isim* itu kepada perawat lain yang dipercayai mahir dalam rawatan *gila isim*.

Rawatannya akan dilakukan berdasarkan kepada hasil diagnosis. Biasanya akan dilihat menerusi cara mana atau apa sebab jin syaitan itu boleh berada di tubuh murid dan tidak boleh keluar sama sekali. Oleh itu syeikh mesti mahir mengenai faktor-faktor yang menyebabkan jin syaitan masuk ke tubuh seperti yang diterangkan di bawah ini. Kerana tumpuan rawatan ialah untuk mengeluarkan jin syaitan daripada tubuh. Bila jin syaitan keluar barulah penyakit *gila isim* sembuh sepenuhnya.

GILA ISIM YANG SUKAR DIRAWAT

Gila isim yang disebabkan oleh faktor saka adalah sangat sukar dirawat, terutamanya bila pihak keluarga tidak mahu berkerjasama. Pihak keluarga menafikan sekeras-kerasnya mereka terlibat dengan amalan yang menggunakan syaitan atau jin. Sebaliknya pihak keluarga menuduh bahawa faktor yang menyebabkan anggota keluarganya gila ialah amalan zikrullah, kerana anggota keluarganya itu sebelum terlibat dengan amalan zikrullah tersebut adalah sihat dan waras. *Gila isim* yang disebabkan saka mestilah ibu bapa atau datuk neneknya diberikan rawatan terlebih dahulu dengan dibuang syaitan dan jin yang ada pada mereka.

Gila isim yang disebabkan oleh faktor sihir jika ada simpulan sihir atau pemujaan hanya akan sembuh bila simpulan sihir dan barang-barang pemujaan dimusnahkan. *Gila isim* yang disebabkan faktor-faktor lain biasanya lebih mudah disembuhkan.

ANGGAPAN SALAH

Jelaslah salahnya persepsi masyarakat bila seseorang belajar ilmu tasawuf dan beramal dengan zikrullah mana-mana tarikat atau mempelajari ilmu agama yang lebih mendalam akan *gila isim*. Amalan zikrullah bukan hanya dapat membersihkan zahir dan batin orang mukmin, tetapi juga dapat menjadikan jiwa atau hati atau roh mereka *mutmainnah*. Eloklah kita tutup kertas kerja ini dengan menyebut firman Allah seperti di bawah ini;

...وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ٢٧ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ
اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ٢٨

Maksudnya: "... dan Allah akan memberi hidayat (yang khusus) kepada orang mukmin yang benar-benar menyerah diri zahir dan batin kepadaNya, iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka *mutmainnah* dengan zikrullah. Tidakkah dengan zikrullah semua hati akan menjadi *mutmainnah*".

(Surah ar-Raad, ayat 27-28)

Akhirnya orang yang berzikir tersebut dikurniakan oleh Allah makrifahdan menjadi hamba Allah yang sebenar, redha dan diredhai oleh Allah. Seperti firmanNya :

يَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ٢٧ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ٢٨ فَادْخُلِي فِي
عِبْدِي ٢٩ وَأَدْخُلِي جَنَّتِي ٣٠

Maksudnya : *"Wahai jiwa yang mutmainnah! Kembalilah kamu (kenal dan musyahadah terhadap Tuhan kamu Allah seperti dahulu sebelum kamu masuk ke tubuh) dalam keadaan redha dan diredahi. Masuklah kamu dalam kumpulan hamba-hambaKu dan masukkan kamu ke dalam syurga (syurga musyahadah terhadap Aku)".*

(Surah Al-Fajr, Ayat 27-30)

Banyak ayat-ayat al-Quran lain, mahupun hadis-hadis nabi yang menjelaskan hikmah atau kebaikan amalan *zikrullah*.

Tidak masuk akal amalan kerohanian yang begini baik yang disyariatkan oleh Allah boleh menjadi punca penyakit *gila isim*.